



JABATAN PELESENAN

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

emel : smartlesen@mbpj.gov.my

**SYARAT KEPERLUAN
DOKUMEN BAGI IKLAN
SEMENTARA**

elesen.mbpj.gov.my

Contoh : Kain Rentang, Sepanduk

PERMOHONAN LESEN IKLAN KAIN RENTANG HENDAKLAH DIBUAT SECARA DALAM TALIAN

MELALUI SISTEM ELESEN klik [eLesen | LogMasuk](#)

MAKLUMAT PENTING SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN DALAM TALIAN.

Sebelum anda mendaftar untuk kali pertama, pastikan anda mempunyai maklumat berikut :

1. Salinan kad pengenalan atau pasport dalam format pdf/jpg.
2. Salinan dokumen SSM atau pendaftaran perniagaan/ badan profesional dalam format pdf/.jpg.
3. Alamat emel yang boleh digunakan.
4. Nombor telefon bimbit yang boleh menerima sms.
5. Alamat kediaman.
6. Surat penurunan kuasa dalam format pdf/png. (Jika pemohon bukan pengarah syarikat).


LANGKAH 1 : DAFTAR PENGGUNA DI SISTEM ELESEN

SIAPAKAH YANG BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN SECARA DALAM TALIAN?:

1. Pengarah, pemilik perniagaan, setiausaha syarikat seperti yang berdaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau pengerusi, setiausaha, ahli jawatankuasa yang berdaftar dengan mana – mana agensi berkaitan seperti R.O.S. dan lain – lain sahaja dibenarkan memohon secara dalam talian.
2. Mulai Oktober 2020 wakil syarikat juga boleh memohon dengan syarat melampirkan surat penurunan kuasa mengikut format klik [sini](#).

LANGKAH 2: CARI AKTIVITI YANG INGIN DIPOHON DAN ISI BORANG PERMOHONAN.

1. Klik halaman utama > 2. 'Search' kain rentang > 3. Klik Isi Borang



LANGKAH 3 : MUAT NAIK DOKUMEN .

Sila muat naik dokumen dalam bentuk pdf (tidak melebihi 5 Mb) atau .jpg / .png (tidak melebihi 2Mb)

1. Salinan MyKad atau salinan passport.
2. Ilustrasi Iklan
3. Pengesahan Dewan Bahasa Pustaka bagi setiap ilustrasi iklan. (Pengesahan ini perlu dilakukan dahulu secara dalam talian menerusi <http://dbpsahbahasa.my>.
4. Sesalinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Borang 9)/Syarikat (Borang A & D)/ Keahlian Badan - Badan Profesional/Pertubuhan/Perakuan Amalan Tahunan atau lain-lain dokumen yang diperlukan.
5. Salinan lesen premis perniagaan daripada MBPJ. **
6. Surat kebenaran daripada pemilik bangunan atau pemilik tapak jika tapak berada di atas tanah rizab / persendirian. **
7. Surat kebenaran Jabatan Perbangan Awam (DCA) bagi iklan belon (Jika berkaitan). **

LANGKAH 4 : JANA DAN SIMPAN SLIP AKUAN PENERIMAAN DAN GUNAKAN BAGI RUJUKAN STATUS PERMOHONAN

Slip akuan penerimaan mengandungi no. siri permohonan, nombor telefon yang boleh dihubungi dan kod qr bagi menjejak sendiri status permohonan. Permohonan akan diberi maklum balas dalam tempoh 24 Jam bekerja. Notifikasi turut diberi menerusi emel.

Slip ini bukan lesen dan tidak boleh digunakan di tapak perniagaan.

LANGKAH 5 : LAKUKAN BAYARAN LESEN DAN BAYARAN CAGARAN

Bagi permohonan yang mempunyai cagaran. Bil cagaran perlu dijelaskan secara dalam talian menerusi <https://epay.mbpj.gov.my> dengan memasukkan no. akaun cagaran contoh 'Dxxxxxxxxxxxxx'. No akaun cagaran berkenaan boleh diperolehi di menu semakan status lesen.

LANGKAH 6 : DAPATKAN TARIKH TEMUJANJI BAGI URUSAN PENGAMBILAN PELEKAT.

Sila hubungi 0379604667 , 037954148 samb 136 bagi menetapkan tarikh temujanji pengambilan pelekat kain rentang.

TEMPOH LESEN SEMENTARA

Lesen boleh dimohon untuk tempoh 1 bulan (atau sebagiannya), 2 bulan (atau sebagiannya) dan 3 bulan (atau sebagiannya).

JADUAL KADAR FI IKLAN PAPAN TANDA PREMIS.

Kadar fi adalah seperti jadual berikut :- :-

Bil.	Jenis iklan	Kiraan kadar fi
1.	 <p>Kain rentang hadapan premis</p>	<div style="background-color: #ffffcc; padding: 10px;"> <p>Bilangan <input type="text"/> X RM 20 X <input type="text"/> = RM _____ <small>KUANTITI BULAN</small></p> <p>Pelekat <input type="text"/> X RM 5 = RM _____ <small>KUANTITI</small></p> <p>Cagaran <input type="text"/> X RM 25 = RM _____ <small>KUANTITI</small></p> <p style="text-align: right;">Jumlah = RM _____</p> </div> <p>Contoh : jika hendak gantung 1 unit kain rentang untuk 2 bulan, Sila isikan Bilangan = 1, Pelekat = 1 Cagaran = 1 dan Bulan = 2</p>
2.	 <p>Kain rentang tempat awam</p>	<div style="background-color: #ffffcc; padding: 10px;"> <p>Bilangan <input type="text"/> X RM 20 X <input type="text"/> = RM _____ <small>KUANTITI BULAN</small></p> <p>Pelekat <input type="text"/> X RM 5 = RM _____ <small>KUANTITI</small></p> </div> <div style="background-color: #ffffcc; padding: 10px; margin-top: 10px;"> <p>Perkhidmatan <input type="text"/> X RM 20 = RM _____ <small>KUANTITI</small></p> <p>Cagaran <input type="text"/> X RM 25 = RM _____ <small>KUANTITI</small></p> <p style="text-align: right;">Jumlah = RM _____</p> </div> <p>Contoh jika hendak gantung 3 unit iklan sepanduk untuk 5 hari di bawah 4 unit 'billboard'. Sila isikan Bilangan = 3, Pelekat = 3, Perkhidmatan = 4, Cagaran = 3 dan Bulan = 1</p>

3.



Sepanduk (banting) tempat awam

Bilangan X RM 10 X = RM _____
KUANTITI BULAN

Pelekat X RM 5 = RM _____
KUANTITI

Tiang X RM 20 = RM _____
KUANTITI

Cagaran X RM 25 = RM _____
KUANTITI

Jumlah = RM _____

Contoh jika hendak gantung 20 unit iklan sepanduk untuk 1 bulan pada 10 unit tiang lampu. Sila isikan Bilangan = 20, Pelekat = 20, Perkhidmatan = 10, Cagaran = 20 dan Bulan = 1

4.



Sepanduk (banting) tempat sendiri

Bilangan X RM 10 X = RM _____
KUANTITI BULAN

Pelekat X RM 5 = RM _____
KUANTITI

Cagaran X RM 25 = RM _____
KUANTITI

Jumlah = RM _____

Contoh jika hendak gantung 5 unit iklan sepanduk untuk 3 bulan di tempat sendiri. Sila isikan Bilangan = 5, Pelekat = 5, Cagaran = 5 dan Bulan = 3

5.



Kain Rentang Besar

- Dipasang di tempat persendirian sahaja
- Saiz kain rentang yang melebihi 8m²

Saiz : _____ m X _____ m = _____ m²

8m² pertama = RM 20 X = RM _____

Setiap m² berikutnya _____ X RM 10 X = RM _____
BULAN

Pelekat X RM 50 = RM _____
KUANTITI

Cagaran bersamaan kadar iklan = RM _____

Jumlah = RM _____

6.



Iklan belon

Bilangan	<input type="text"/>	X	RM 20	X	<input type="text"/>	=	RM	_____
	<small>KUANTITI</small>				<small>BULAN</small>			
Pelekat	<input type="text"/>	X	RM 5			=	RM	_____
	<small>KUANTITI</small>							
Cagaran	<input type="text"/>	X	RM 25			=	RM	_____
	<small>KUANTITI</small>							
						Jumlah	=	RM _____

Contoh jika hendak gantung 1 unit iklan belon untuk 3 bulan di tempat sendiri untuk tempoh 40 hari. Sila isikan Bilangan = 1, Pelekat = 5, Cagaran = 5 dan Bulan = 3

SYARAT - SYARAT AM


1. Banting atau kain rentang yang dipasang selain daripada jalan—jalan yang dibenarkan di dalam senarai kelulusan akan diturunkan.
2. Penggunaan perkataan Bahasa Kebangsaan mestilah 30% besar dan diutamakan daripada segi kedudukan berbanding bahasa—bahasa lain.
3. Iklan yang dipasang hendaklah sama dengan visual yang diluluskan. Jika didapati tidak sama, iklan berkenaan akan diturunkan dan cagaran tidak akan dipulangkan.
4. Iklan yang dipasang hendaklah diturunkan mengikut tarikh tempat permohonan permit. Sekiranya pihak Majlis menurunkan banting atau kain rentang yang digantungkan selepas tamat tempoh, maka cagaran berkenaan tidak akan dikembalikan.
5. Dilarang menurunkan banting dan kain rentang berlesen yang sedia ada di lokasi atau memasang secara bertindan, atau memasang pada bahagian atas dan bawah tiang lampu secara serentak.
6. Pelekat kain rentang dan banting perlu dilekatkan di setiap banting dan kain rentang.
7. Tidak dibenarkan sama sekali menggantung kain rentang dan banting pada pokok, pacakan kayu, bulatan.
8. Iklan yang menunjukkan perkataan Halal, Ditanggung Halal atau lain-lain perkataan hendaklah menunjukkan sebarang bukti atau mendapatkan satu salinan kelulusan daripada pihak berkenaan atau JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).
9. Jalan protokol seperti Jalan Timur, Jalan Barat, Jalan Sultan dan Jalan Yong Shook Lin adalah tidak dibenarkan menggantung kain rentang dan banting komersial. Walaubagaimanapun, bagi kain rentang dan banting kempen kerajaan adalah dibenarkan.
10. Iklan hendaklah diturunkan serta - merta selepas tamat tempoh. Tuntutan cagaran hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari selepas tarikh iklan tamat.

11. Pihak Majlis berhak mengenakan, menggubal apa-apa syarat yang difikirkan perlu tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.

BAYARAN CAGARAN IKLAN.

1. Cagaran iklan akan dikenakan bagi setiap permohonan iklan sementara yang diluluskan.
2. Cagaran perlu dituntut semula dalam tempoh 14 hari selepas iklan diturunkan.
3. Jika ada berlaku pelanggaran syarat - syarat lesen, cagaran tidak akan dikembalikan.
4. Cagaran yang telah dibayar tidak boleh dipindah kepada permohonan lesen yang lain.
5. [Borang tuntutan cagaran iklan bagi iklan telah diturunkan boleh diperolehi di sini.](#)

CARTA ALIR PERMOHONAN IKLAN SEMENTARA.



**SEKIRANYA ANDA MASIH MEMPUNYAI PERTANYAAN
BERKAITAN LESEN IKLAN SEMENTARA SILA HUBUNGI :**

No. Telefon : 0379604667, 0379566922, 0379563231, 0379609026, 0379541560, 0379558117,
0379541548

Jawatan	Sambungan Telefon
Pengurus Unit Iklan	135, 102
Pembantu Tadbir 1	136
Pembantu Tadbir 2	136

**SEKIRANYA ANDA MEMPUNYAI MASALAH TEKNIKAL
BERKAITAN LOG MASUK / PENDAFTARAN SISTEM ELESEN**

Sila hubungi :

Telefon : 0379604667 , 037954148 samb 131.

Whatsapp : <https://wa.me/60139410146>

Emel : smartlesen@mbpj.gov.my

Disediakan oleh :-

Jabatan Pelesenan.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Tarikh kemaskini : 23 Mac 2022